

Teks Ucapan

Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

Sempena Pelancaran Hari EcoCampus
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan 2017

25 Oktober 2017 (Rabu) | 10:00 pagi
Theattrette Ahmad Nisfu
Blok Seni, FKSU

Salutasi

Yang Berusaha

Prof. Dr Ismail Ibrahim, Dekan, Fakulti
Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS,

Yang Berbahagia

Prof. Dato' Hamdan Adnan,
Pengerusi, Majlis Profesor Negara, Chapter UMS

Yang Berusaha

Profesor Madya Dr. Low Kok On,
Ketua Unit Penyelidikan Warisan Borneo

Yang Berusaha

Dr. Sahana Binti Harun,

Timbalan Pengarah (Akademik & Penyelidikan)
Institut Bioteknologi Tropika dan Pemuliharaan

Sahabat-sahabat media UMS, hadirin dan hadirat
sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Naib Canselor UMS memohon maaf kepada pihak penganjur dan semua hadirin sekalian kerana beliau tidak dapat bersama-sama dengan kita dalam majlis yang sangat bermakna ini kerana beliau mempunyai satu lagi tugas rasmi yang penting di tempat lain. Untuk itu, saya akan bacakan teks ucapan beliau.

Salam Sejahtera dan Salam EcoCampus

2. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Majlis Profesor Negara Chapter UMS, atas kesungguhan menganjurkan Hari EcoCampus Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan ini. Bagi pihak EcoCampus Universiti Malaysia Sabah, saya juga ucapkan tahniah

kepada semua peserta yang sudi hadir ke majlis ini. Semoga anda semua memperoleh manfaat yang terbaik hasil daripada penganjuran majlis ini.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

3. Saya difahamkan idea Pelancaran Hari EcoCampus ini adalah hasil usaha daripada Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Profesor Dr. Ismail Ibrahim dan semua ahli Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Majlis Profesor Negara, Chapter UMS yang pentingkan aspirasi EcoCampus UMS. Aspirasi EcoCampus UMS yang menitikberatkan hubung kait antara alam semula jadi, ekonomi dan sosial perlu dikongsi bersama oleh semua warga UMS. Hari ini didapati aspirasi ini bukan sahaja dikongsi bersama bahkan diamalkan oleh warga Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. Mari kita bersama-sama memberikan satu tepukan yang gemuruh kepada pihak penganjur.

4. Pelancaran EcoCampus Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan pada hari yang berbahagia ini didapati mempunyai keistimewaan tersendiri. Baru tadi kita bersama-sama mendengar ceramah yang disampaikan oleh Encik Julius Kulip, felo penyelidik Unit Penyelidikan Warisan Borneo dari Institut Bioteknologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS. Antara inti penting yang cuba disampaikan oleh Encik Julius tak lain dan tak bukan adalah betapa pentingnya tumbuhan herba semula jadi kepada manusia. Tumbuhan herba bukan sahaja penting dalam sistem alam semula jadi malah bermanfaat kepada kesihatan manusia setelah khasiatnya diproses secara saintifik. Dalam aspek ini, felo penyelidik Warisan Borneo seperti Encik Julius turut berusaha menghasilkan produk herba dari Sabah yang memperoleh pingat dalam pertandingan inovasi di peringkat UMS dan antarabangsa.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian

5. Pelancaran Hari EcoCampus Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan ini dapat memberikan pengetahuan kepada warga

UMS untuk mengenali kepelbagaian tumbuh-tumbuhan dan ubat-ubatan tradisional di dalam kampus UMS. Aktiviti seperti ini juga akan meningkatkan kesedaran kepada warga UMS untuk menyayangi dan memelihara tumbuh-tumbuhan tersebut.

Dalam konteks ini, saya dimaklumkan yang warga Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan menuju ke arah merealisasikan misi yang mulia ini dengan menanam enam pohon tumbuhan herba di halaman utamanya nanti. Pokok herba yang dikenali sebagai Tuuwan-uan (*Syzygium leucoxydon*) oleh orang Kadazandusun ialah warisan penting untuk rakyat Sabah. Oleh itu, penanaman pokok herba ini memberikan makna yang cukup bererti kepada warga UMS serta Unit Penyelidikan Warisan Borneo, yang telah menganjurkan aktiviti yang mengutamakan segala warisan yang terdapat di rantau Borneo ini. Semoga usaha yang mulia ini terus dipergiatkan pada masa yang akan datang.

6. Justeru, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya yang mewakili Profesor Datuk Naib

Canselor UMS dengan sukacitanya merasmi dan melancarkan Hari EcoCampus Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Sekian, dan terima kasih.